

03/11/2001

PM utus surat minta Bush henti serangan

Zulkofli Jamaludin; Wan Esuriyanti Wan Ahmad
KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengutus surat kepada Presiden George W Bush bagi meminta Amerika Syarikat menghentikan serangan ke atas Afghanistan.

Perdana Menteri berkata, Malaysia menyokong usaha memerangi keganasan tetapi menentang serangan itu kerana tindakan berkenaan menyebabkan orang tidak berdosa terbunuh dan bukannya penganas.

"Saya sedang menulis surat kepada Presiden Bush meminta dia menghentikan pengeboman," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Amerika Syarikat melancarkan serangan udara ke atas Afghanistan selepas kerajaan Taliban enggan menyerahkan Osama bin Laden yang didakwa mendalangi serangan 11 September di Washington dan New York.

Malaysia juga sebelum ini meminta Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengadakan persidangan khas untuk membincangkan isu keganasan dan memberi takrif sebenar penganas.

Perdana Menteri berkata, beliau juga akan membuat penjelasan mengenai pendirian Malaysia itu pada seminar anjuran Institut Kajian Strategik Malaysia (ISIS) pada 16 dan 17 November ini.

"Kita semua tidak setuju dengan serangan ke atas Afghanistan. Apa yang berbeza (di antara parti politik) hanya yang mengadakan demonstrasi (membantah serangan) dan ada yang tidak," katanya mengulas cadangan Pengerusi DAP, Lim Kit Siang agar semua pihak mengadakan kenyataan bersama membantah serangan Amerika.

Dr Mahathir berkata, dalam pertemuan dengan ahli Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) pagi ini, beliau turut menjelaskan tugas yang dijalankan menteri Kabinet.

"Soal dia (menteri) tidak memainkan peranan dalam projek kecil yang kita usahakan itu sudah diselesaikan. Pendek kata tidak ada lagi masalah kecuali masalah dalaman," katanya.

Bulan lalu, seorang penyokong kerajaan meminta Perdana Menteri melucutkan jawatan mana-mana menteri yang tidak menjalankan tugas.

Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Bung Moktar Radin berkata, banyak aduan dan kritikan diterima pada peringkat akar umbi mengenai kegagalan sesetengah menteri dan ketua jabatan menjalankan tugas.

Ditanya kenyataannya yang dipetik oleh Radio Perbadanan Penyiaran Britain, sebagai berkata, beliau akan mengusir menteri Britain yang gay jika datang ke Malaysia bersama teman lelaki, Dr Mahathir berkata:

"Kita tidak kacau kehidupan peribadi mereka. Kalau dia (menteri Britain) datang bawa teman lelaki untuk menghadiri makan malam rasmi, kita tidak boleh benarkan.

"Kalau dia datang sini dan buat kerja macam itu, kita kena tangkap kerana undang-undang kita tidak benarkan," katanya.

Perdana Menteri berkata, sesiapa pun yang datang ke negara ini perlu mematuhi undang-undang Malaysia.

"Kita pun kalau ke sana (United Kingdom) perlu mematuhi peraturan negara itu. Kalau ditangkap kerana menyalahi undang-undang negaranya, saya kena terima," katanya.

(END)